

20 DEC 1996

Mahathir-MSK

MALAYSIA TAWARKAN SYARIKAT INDIA PANGKALAN DALAM KORIDOR RAYA MULTIMEDIA

NEW DELHI, 20 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menawarkan syarikat-syarikat India pangkalan dalam Koridor Raya Multimedia (MSC), yang akan mempunyai pekerja-pekerja berpengetahuan yang bebas bergerak.

MSC akan membenarkan pergerakan bebas pekerja berpengetahuan bagi membolehkan mereka berpindah masuk dan keluar sesuka hati, katanya ketika menjawab soalan mengenai penehadan visa di Malaysia.

Dr Mahathir berkata: "Kita tidak mahu mengehadkan pergerakan pekerja berpengetahuan. Anda boleh menghasilkan produk atau idea," katanya kepada ahli-ahli perniagaan pada satu pertemuan dengan Persekutuan Industri India, di sini.

Beliau berkata: "Kita bergerak ke arah era bermaklumat, iaitu, ekonomi berasaskan pengetahuan dan industri berasaskan pengetahuan."

Ketika ditanya sama ada Malaysia akan membenarkan rakyat India melabur dalam bidang perisian, beliau berkata: " Terdapat minat yang besar dalam bidang perisian. Seseengah syarikat Malaysia telah menghubungi syarikat-syarikat India di Bangalore."

Jika pakar-pakar perisian syarikat-syarikat India dipindahkan ke Malaysia, terdapat pasaran yang meluas bagi produk-produk mereka, kata Dr Mahathir.

Ketika ditanya mengenai pembelian Lotus Group International Limited, beliau berkata kereta membentuk asas industri kejuruteraan dan apabila mendengar bahawa Lotus hendak dijual, Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (Proton) membelinya.

Lotus, katanya, mempunyai banyak peluang kejuruteraan dan kemampuan kejuruteraan mereka sangat baik sehinggakan General Motors telah memintanya merekabentuk enjinnya.

Dr Mahathir berkata Lotus berharap dapat meningkatkan kemampuan kejuruterannya bukan sahaja untuk mengeluarkan kereta bertaraf dunia tetapi juga kereta-kereta khas. -- BERNAMA

MP ZS NAK